

Ketua Pegawai Eksekutif TATI dipecat sebab wang ihsan

UM 3 1 DEC 2001

Oleh KAMARUDIN MAT AKIB

KUALA TERENGGANU 30 Dis. — Kerajaan Pas Terengganu memecat Ketua Pegawai Eksekutif Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (TATI), Prof. Dr. Mohd. Zaki Abdul Muin kerana mengingkari arahan-arahannya berhubung pemberian wang ihsan.

Tindakan yang dianggap mengejutkan itu antara lain dikaitkan dengan keengganan TATI memulangkan semula wang yang diterima terus daripada Kementerian Pendidikan kepada kerajaan negeri.

Selain TATI, Pusat turut menyalurkan peruntukan secara terus kepada 13 institusi lain termasuk Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan sekolah-sekolah agama negeri.

Difahamkan dalam tempoh dua tahun ini TATI telah menerima empat kali peruntukan wang ihsan dan peruntukan bagi kali ketiga dan keempat berjumlah RM7.2 juta.

Kerajaan negeri dalam arahannya sebelum ini mengarahkan semua institusi pendidikan yang menerima terus bantuan mengembalikannya kepada kerajaan negeri.

Pemecatan Prof. Dr. Mohd. Zaki berkuat kuasa Khamis lalu setelah diberi notis 24 jam oleh pentadbiran negeri.

Surat pemecatan Prof. Dr. Mohd. Zaki yang ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan, Datuk Senara Muda Mazlan Hashim, dihantar kepada beliau Khamis lalu.

■ Lihat muka 4

Ketua Pegawai Eksekutif TATI dipecat sebab wang ihsan

UM 3 1 DEC 2001

Mazlan ketika mengesahkan pemecatan itu hari ini berkata, pihaknya terpaksa melakukan tindakan itu kerana banyak tindak-tanduk Prof. Dr. Mohd Zaki membelakangkan arahan kerajaan negeri.

Beliau berkata, tindakan itu dibuat mengikut peraturan dan tidak bercanggah dengan butir-butir kontrak pelantikan Prof. Dr. Mohd Zaki.

"Kontrak tersebut dengan jelas menyebut mana-mana pihak boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi notis 24 jam dengan dibayar sebulan gaji," katanya ketika ditemui di Wisma Darul Iman di sini.

TATI ialah sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang diilhamkan penubuhannya oleh bekas Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

TATI yang merupakan subsidiari kerajaan negeri ditubuhkan bagi melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang teknikal terutama di peringkat tinggi.

Pengambilan pelajar TATI dimulakan selepas ia beroperasi di kampus sementaranya di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) pada 1994.

Pada 1996 TATI berpindah ke kampus tetapnya di Teluk Kalong, Kemaman dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada 11 Oktober 1997.

Prof. Dr. Mohd Zaki dilantik mengisi jawatan tersebut pada 1 April 2001 bagi menggantikan Prof. Madya Dr. Mohd Nawi Derahman.

Mazlan berkata, pelantikan Prof Dr. Mohd. Zaki dibuat secara kontrak bagi tempoh dua tahun.

Beliau berkata, pada masa ini kerajaan negeri belum membuat keputusan mengenai calon pengganti jawatan tersebut.

"Tindakan ini diambil kerana kerajaan negeri tidak puas hati dengan beberapa tindak-tanduk yang dilakukan oleh beliau sejak beliau memegang jawatan tersebut.

"Ini termasuk tindakan beliau melantik mereka yang tidak berkelayakan memegang beberapa jawatan di TATI," katanya.

Mazlan berkata, Prof. Dr. Mohd. Zaki juga tidak memulangkan semula wang ihsan yang disalurkan kepada TATI seperti yang diarah oleh kerajaan negeri.

"Sebelum ini Ahli Lembaga Pengarah TATI sudah beberapa kali memberi arahan supaya beliau memecat pegawai TATI yang dilantik tanpa kelayakan seperti sepatutnya.

"Bagaimanapun beliau tidak mengendahkan arahan tersebut dan masih mengekalkan pegawai berkenaan di TATI," ujarnya.

Katanya, pelantikan baru akan dibuat selepas kerajaan negeri mendapat calon yang sesuai bagi jawatan tersebut.